

MARI **PERTAHANKAN NEGARA**

Outdoor Learning Centre



Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)





EKNOLOGI

Kubu Pertahanan





ENGINEERING



Membuat lakaran kubu dan benteng



MARI BERPERANG



Aktiviti ini dijalankan bersama dengan ibu bapa



Guru menyediakan bahan-bahan untuk membuat kubu seperti :
Gunting, kain guni, pasir, jarum dan benang



Guru memberi penerangan dan mendemonstrasikan cara membuat kubu di hadapan ibu bapa dan kanak-kanak iaitu dengan memasukkan pasir ke dalam guni



Kanak-kanak dan ibu bapa dibahagikan kepada 2 kumpulan untuk menghasilkan kubu menggunakan bahan yang disediakan secara berkumpulan



Guni yang telah siap dimasukkan pasir, disusun mengikut kesesuaian tempat di kawasan luar tabika



Guru menerangkan aktiviti simulasi berperang dan menekankan aspek keselamatan



Kanak-kanak memakai baju kalis air yang telah dibuat ketika berada di
Innovation Learning Centre



Kanak-kanak bersedia ke medan pertempuran dan dibahagikan kepada 2 kumpulan:
1 kumpulan Parajurit dan satu lagi kumpulan sebagai musuh



Kanak-kanak diberikan granite/belon air yang berwarna merah dan hijau untuk digunakan sebagai bom tangan



- x Guru membunyikan semboyan dengan menggunakan hon udara sebagai simbol bermulanya pertempuran
- x Kanak-kanak yang terkena bom air akan keluar dari kubu. Kumpulan yang paling ramai dibom akan dikira kalah dalam pertempuran ini. Kumpulan yang tidak kena bom air dikira sebagai pemenang
- x Semboyan di bunyikan sekali lagi tanda berakhir pertempuran dan guru akan mengumumkan pemenang permainan bom air
- x Kedua-dua kumpulan berkumpul dan bersalam-salaman tanda berakhir aktiviti